

# Terokai peluang, bertekad cemerlang

## Saranan kepada siswa-siswi baharu UMS

UB 29.8.2019 B3



### DARI KAMPUS

KOTA KINABALU: September adalah bulan yang dinanti-nantikan oleh semua insan yang bakal bergelar mahasiswa/i di seluruh Universiti Awam khususnya apabila mereka akan mula menjajakan kaki ke menara gading yang akan menjadi destinasi persinggahan sementara sebelum melangkah ke alam pekerjaan dan kehidupan sebenar selepas tiga empat tahun berada di sana kelak.

Saat ketika menerima surat tawaran kemasukan universiti, air mata tangisan kegembiraan menjadi saksi akan jerih payah ibu dan ayah membanting tulang memberikan pendidikan terbaik kepada insan yang bergelar seorang anak di samping menjadi bukti keramat usaha keras mereka dalam mencapai kejayaan di alam persekolahan suatu ketika dahulu.

Persiapan rapi diatur sebelum menjajakan kakinya universiti bagi menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman baharu bagi membela nasib keluarga yang tercinta kelak. Ratusan malahan ribuan ringgit dibelanjakan oleh si ibu dan ayah semata-mata ingin memastikan yang terbaik buat anaknya bila berada di sana kelak.

Di peringkat universiti pula pelbagai aktiviti dan perancangan telah disusun rapi sebagai persediaan menyambut kedatangan mereka kelak. Universiti Malaysia Sabah (UMS) tidak terkecuali merupakan salah satu Universiti Awam yang bakal menyambut ketibaan bakal pelajar mereka baik

dari Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan dari luar negara.

Antara jabatan dalam UMS yang sibuk di dalam membuat persiapan menyambut kedatangan pelajar baharu termasuklah Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Pusat Perumahan Pelajar dan Hospitaliti, Bahagian Perkhidmatan Akademik, Fakulti, Kolej Kediaman dan lain-lain lagi. Badan pelajar seperti Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS), Persatuan Mahasiswa Fakulti juga merupakan antara badan pelajar terpenting yang bakal membantu sepanjang perjalanan program Minggu Suai Mesra (MSM) UMS bagi sesi 2019/2020. Dijangkakan seramai 4,000 pelajar akan datang bagi mendaftarkan diri seterusnya terlibat di dalam program MSM itu kelak.

Pada 3 September 2019 adalah tarikh daftar masuk pelajar baharu bagi sesi kemasukan 2019/2020 di hampir kebanyakan Universiti Awam termasuklah UMS. Seperti tahun atau sesi sebelumnya hari pendaftaran masuk pelajar ke universiti akan menyaksikan di samping pelajar baharu yang akan datang, kelibat kedua ibu bapa dan ahli keluarga juga akan turut datang bersama menemani mereka.

Terdapat sebilangan pelajar juga yang datang sendiri bagi sesi itu namun ia tetap mewujudkan satu suasana yang meriah dengan pelbagai ragam dan emosi semua pihak pada hari berkenaan. Selesainya sesi pendaftaran, pelajar akan menguruskan penempatan mereka dengan dibantu oleh pegawai petugas universiti dan badan pelajar yang telah dilantik iaitu Pembimbing Suai Mesra (PSM). Kolej Kediaman merupakan satu bentuk kemudahan penginapan yang disediakan kepada semua mahasiswa/i tahun 1 yang baru mendaftar masuk.

Secara amnya, di UMS terdapat lebih kurang lapan



WIJAYA KAMAL RAMLAN

buah Kolej Kediaman iaitu enam buah di Kampus Induk Kota Kinabalu, dan dua masing-masing di Kampus Antarabangsa Labuan (Alpha dan Beta) serta Sandakan. Secara amnya, falsafah Kolej Kediaman adalah ia merupakan Pusat Kecemerlangan Lanjutan dan pelengkap kepada sistem pendidikan universiti dengan berteraskan semangat integrasi nasional dan menjaga keselamatan, kesihatan serta kesejahteraan penduduknya iaitu pelajar.

Setelah selesai menguruskan penempatan masing-masing, pelajar akan memulakan minggu pertama mereka dengan program yang dikenali sebagai Minggu Suai Mesra (MSM). Dalam program ini terdapat pelbagai pengisian yang telah disediakan dengan tujuan memberi ruang kepada semua pelajar saling mengenali antara satu sama lain di samping mendapatkan pengetahuan baharu berkenaan dengan UMS dalam pelbagai aspek.

Ia seterusnya membantu di dalam proses pembangunan sahsiah dan pengembangan bakat pelajar itu sendiri. Sesi taklimat daripada beberapa jabatan penting universiti antaranya termasuklah Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Bahagian Keselamatan, Perpustakaan, PTPTN, Bendahari dan lain-lain lagi.

Disamping itu juga terdapat beberapa slot bersama MPP, Fakulti dan diakhiri dengan Konser Malam Bakat. Ke-

muncak utama program ini adalah sesi Majlis Ikrar dan Aku Janji di hadapan pengurusan tertinggi universiti sebagai janji dan taat setia sebagai salah seorang pelajar universiti dan berjanji akan menjaga nama baik universiti walau di mana mereka berada. Kesemua program ini akan berlangsung selama lebih kurang seminggu bagi memastikan pelajar baharu mendapat pendedahan dan pengetahuan baharu berkaitan dengan kehidupan di universiti.

Setelah selesainya MSM, minggu berikut dan seterusnya sehingga ke minggu ke-14 pengajian merupakan satu perjalanan kehidupan pelajar yang bergelar mahasiswa/i. Aktiviti berteraskan akademik seperti menghadiri kuliah, tutorial, kerja lapanan, pergi ke perpustakaan dan lain-lain lagi merupakan sebahagian daripada rutin harian mereka. Namun begitu, kehidupan alam universiti atau kampus bukan hanya berlaku di akhir pengajiannya bagi menerima pengiktirafan dan anugerah di dalam majlis anugerah konvokeyan termasuklah Hadiah Buku dan yang tertinggi adalah Anugerah Pelajaran Diraja.


Sesungguhnya, alam universiti merupakan suatu alam yang sangat menarik dan mampu memberi nilai tambah yang banyak kepada seorang insan yang bergelar mahasiswa. Belajarlah untuk menyesuaikan diri kepada persekitaran semasa sepanjang berada di universiti. Sentiasa berusaha meneroka peluang dan ruang baru dalam usaha memperbaiki diri. Pengalaman dan kemahiran serta ilmu pengetahuan sepanjang berada di alam universiti yang akan menjadi bekal berharga dalam menghadapi alam pekerjaan di luar sana kelak.

Tidak dinafikan tanggungjawab keperluan akademik merupakan perkara pokok di dalam menempuh alam universiti. Namun begitu, dalam masa yang sama pelajar perlu bijak meneroka peluang dan ruang dalam memperbaiki kemahiran diri. Penglibatan di dalam badan pelajar atau aktiviti sama ada di peringkat Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Kolej Kediaman, Fakulti atau Universiti mampu memberikan nilai tambah dan kemahiran baharu kepada pelajar.

Persatuan pelajar di JHEP, Persatuan Mahasiswa di peringkat fakulti atau pro-



IKTIRAF: MAHEPA platform mengiktiraf jasa dan sumbangan pelajar kepada universiti dan diri sendiri dalam pelbagai aspek termasuklah sukarelawan sukan pengucapan awam keusahawanan.



SUAI KENAL: Pendaftaran dan Minggu Suai Mesra MSM UMS bagi sesi 2018-2019 lepas.

Kolej Kediaman atau tempat tinggal terus kepada pegawai Pusat Perumahan Pelajar dan Hospitaliti, pengurusan dan pembayaran yuran pelajar melalui pegawai Jabatan Bendahari dan lain-lain lagi.

Sesungguhnya suasana di alam persekolahan dan alam universiti merupakan dua suasana pembelajaran dan perhubungan sosial yang berbeza. Pelajar perlu berusaha menyesuaikan diri dan beradaptasi dengan alam kampus yang memerlukan pergaulan lebih luas dalam berhubung bukan sahaja dengan rakan-rakan lain malah termasuklah pensyarah dan pegawai universiti dalam apa juga urusan dan kerja yang berkaitan. Sebagai contoh segala keperluan berkaitan kebajikan dan aktiviti pelajar pegawai dari JHEP, aspek

gram, JAKMAS di peringkat Kolej Kediaman atau MPP di peringkat universiti merupakan platform terbaik buat semua pelajar baharu khususnya dan lama amnya di dalam menimba pengalaman baru dan kemahiran baharu di universiti.

Melalui penglibatan di dalam salah satu badan itu, pengalaman berorganisasi, penulisan dokumentasi, kemahiran berunding dan lain-lain lagi akan mampu diperolehi. Ia bukan sahaja penting di alam universiti malah ia akan menjadi bekal berharga apabila memasuki alam pekerjaan kelak. Pengiktirafan kepada pencapaian dan sumbangan pelajar akan diterjemahkan ke dalam bentuk majlis apresiasi seperti Majlis Anugerah Hal Ehwal Pelajar (MAHEPA) atau Anugerah Tokoh Tokoh Siswa sebagai manifestasi

sumbangan dan pencapaian yang diberikan kepada diri sendiri dan universiti.

Di samping itu, melalui aspek keseimbangan akademik dan aktiviti pelajar juga, ia mampu membantu pelajar berkenaan di akhir pengajiannya bagi menerima pengiktirafan dan anugerah di dalam majlis anugerah konvokeyan termasuklah Hadiah Buku dan yang tertinggi adalah Anugerah Pelajaran Diraja.

Sesungguhnya, alam universiti merupakan suatu alam yang sangat menarik dan mampu memberi nilai tambah yang banyak kepada seorang insan yang bergelar mahasiswa. Belajarlah untuk menyesuaikan diri kepada persekitaran semasa sepanjang berada di universiti. Sentiasa berusaha meneroka peluang dan ruang baru dalam usaha memperbaiki diri. Pengalaman dan kemahiran serta ilmu pengetahuan sepanjang berada di alam universiti yang akan menjadi bekal berharga dalam menghadapi alam pekerjaan di luar sana kelak.

Peluang dan ruang ini hanya datang sekali sahaja di kala rakan-rakan lain yang kurang berasib menginginkannya jadi hargailah dan manfaatkannya serta sematkan di dalam diri kalian untuk bertekad cemerlang setiap masa. Selamat Datang ke Universiti Malaysia Sabah. - Artikel oleh Pengetua Kediaman Ecopark/Pensyarah Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, UMS Wijaya Kamal Ramlan